

# Program Al-Bidayah Wan Nihayah martabatkan bahasa Arab

UB 07.10.2022 P.02

**LABUAN:** Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) menganjurkan Program Al-Bidayah Wan Nihayah peringkat Wilayah Persekutuan Labuan di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 29 hingga 30 September 2022.

Penyelaras program Zainal Abdul Wahab berkata, seramai 60 peserta yang melibatkan murid dari SSN Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara, SMK Ranca-Ranca, Sekolah Menengah Agama (SMA) MAIWP Labuan dan SMK Taman Perumahan Bedaua menyertai program berkenaan.

Katanya, program itu diadakan adalah untuk meningkatkan tahap pencapaian dan keputusan Bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dan memberikan keyakinan kepada semua murid Kelas Aliran Agama bahawa Bahasa Arab adalah satu bahasa yang amat penting untuk dikuasai pada masa kini.

"Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini berlangsung antaranya

lawatan rasmi ke sekitar UMSKAL dan aktiviti berkumpulan," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Labuan Kamariah Salim ketika merasmikan majlis itu menasihatkan semua peserta agar terus istiqamah mempelajari Bahasa Arab demi memartabatkan agama Islam buat warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, semua peserta mestilah mengambil peluang ini dengan memberikan sepenuhnya tumpuan kepada ceramah yang disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman.

"Ucapan tahniah dan syabas buat semua guru Bahasa Arab yang memberikan kerjasama menjayakan program kali ini."

"Semoga program ini memberikan impak maksima kepada keputusan Bahasa Arab SPM 2023 nanti," katanya.

Kamariah turut mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan yang memberikan sumbangan kewangan.

menjayakan program yang mulia ini.

"Semoga segala jasa baik yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini akan menjadi waslah dan bekalan baik untuk agama, bangsa dan negara," katanya.

Penceramah jemputan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Miri Sarawak Mohd Nafirudin Siadid, Guru Bahasa Arab yang berpengalaman luas dalam bidang pentaksiran dan peperiksaan Bahasa Arab SPM menyampaikan Teknik Menjawab Bahasa Arab SPM.

Turut diadakan bengkel pemulihan khas Bahasa Arab diadakan buat murid menengah rendah yang disertai oleh murid dari Kelas Aliran Agama SSN SJKC Mutiara, SMK Ranca-Ranca, SMA MAIWP Labuan dan SMK Taman Perumahan Bedaua.

**KENANGAN:** Para tetamu jemputan dan pihak pengurusan bersama guru dan peserta Program al-Bidayah Wan Nihayah.



**ANUGERAH:** Pelajar SMK Ranca-Ranca, Muhammad Nur Reezqillah Razak menerima Anugerah Peserta Terbaik Lelaki.



**CERIA:** Keceriaan terpancar di riak air mata Mohd Ikmal Mala, Aswatal Zikrullah Mohd Ayub, Mohd Habibullah Jamri dan Mohd Izzat Jais dari SMK Mutiara.

